


KEMPEN #zeropothole MISI SIFAR LUBANG 2016

Menarik di dalam

Pelancaran Projek Pan Borneo
Sarawak Serian
(m/s 4)

Pengguna R&R dibekal Info
Berguna Kalori Untuk Sihat
(m/s 6)

www.kkr.gov.my



9 781565 924796



Kandungan



M/s 16



M/s 4



M/s 7



M/s 6



M/s 10



Sesi penerangan tentang kandungan dokumen Aku Janji



78 Jurutera Daerah (JD) bersetuju ke atas pencapaian Sifar Pothole



Majlis dimulakan dengan sesi penerangan daripada Dato' Ir. Dr. Roslan bin Md Taha

KEMPEN SIFAR LUBANG KKR #zeropothole

KUALA LUMPUR, 17 Februari 2016 : Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab menyenggara Jalan raya Persekutuan, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah melancarkan Kempen sifar pothole bertujuan memastikan setiap lubang yang wujud di permukaan jalan raya diambil tindakan segera demi keselamatan para pengguna jalan raya.

Bagi merealisasikan kempen ini, seramai 78 Jurutera Daerah (JD) Jabatan Kerja Raya (JKR) telah sebulat suara bersetuju memberi komitmen ke atas pencapaian Sifar Pothole jalan raya di Malaysia. Satu majlis penyerahan Aku Janji kepada YB Menteri Kerja Raya telah diadakan di Kompleks KKR2.

Timbalan Pengerusi Jurutera Daerah, Ir. Haji Mohd Isa bin Sulaiman telah mewakili kesemua 78 JD menyerahkan Aku Janji tersebut kepada YB Dato' Sri Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya sambil disaksikan oleh YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya dan YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob, Ketua Setiausaha KKR.

Terdahulu, para JD JKR telah membuat semakan terhadap Jalan Persekutuan dan Negeri bagi mengenalpasti pothole yang wujud bermula Januari 2016 sehingga 6 Februari 2016. Sebanyak 1268 pothole di Jalan-jalan Persekutuan dan 1044 pothole di Jalan-jalan Negeri telah ditemui dan tindakan segera telah diambil dalam tempoh 24 jam dengan menampal lubang-lubang tersebut dengan kaedah cold mix sejajar dengan KPI KKR.

Dari segi peratusan, sebanyak 55% penemuan pothole datang daripada Jalan Persekutuan manakala 45% datang daripada Jalan Negeri. Oleh itu, satu dokumen telah disediakan sebagai rekod dan ini akan dijadikan format pemantauan dan audit sifar pothole oleh kesemua JD.

Serentak dengan itu juga, kempen #zeropothole telah dilancarkan di semua medium rasmi media sosial KKR dengan bantuan semua admin media sosial agensi dan JKR negeri. Adalah menjadi harapan agar sasaran Sifar Pothole ini tercapai demi keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya.

BERITA

3 • Kempen Sifar Lubang KKR

4 • Pelancaran Projek Pan Borneo Sarawak Serian

5 • Pengguna R&R dibekal info berguna Kalori untuk Sihat
• Lebuhraya LEKAS diterangi lampu LED jimat tenaga dan mesra alam

12 • 20 Kontraktor Terima SST
• Manfaat Pembukaan Persimpangan Kajang Utama

13 • Meraikan Graduan ABM
• RM 40 Juta Untuk Senggara Jalan Persekutuan

PERSATUAN & KELAB

6 PUSPANITA KKR

KENALI MILIK KITA

7 Kompleks Kerja Raya

POTRET KEHIDUPAN

8 Tukang Kasut

AKTIVITI

10 Jelajah Pan Borneo Sarawak

PENGUMUMAN

9 • Pelantikan Ketua Eksekutif CIDB
• Persaraan TKPKR
• Pengurniaan Pingat Kebesaran

LENSA

14 Program, Majlis KKR

MEDIA SOSIAL KKR

18 Laporan

KKR @ MEDIA

19 • Keratan Akbar
• Twitter

PELANCARAN PROJEK

PAN BORNEO SARAWAK SERIAN

SERIAN – 13 Mac 2016 :- Kerajaan Persekutuan terus membuktikan komitmen dalam meningkatkan jaringan infrastruktur di Sabah dan Sarawak apabila membiayai projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB). Terkini, kerja Pembinaan Pakej ketiga LPB, iaitu Jajaran Bulatan Serian – Simpang Pantu, Sarawak sepanjang 75 kilometer (km) telah dirasmikan permulaan kerjanya oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Projek ini merupakan sebahagian daripada pakej projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sepanjang 1,089 km melalui model Project Delivery Partner (PDP) dan melibatkan naiktaraf jalan sedia ada dari dua lorong dua hala (single carriageway) kepada empat lorong dua hala (dual carriageway) termasuklah pembinaan 3 persimpangan bertingkat iaitu di Serian dan Simunan, 10 jambatan, 1 kawasan hentian yang terletak di Balai Ringin, Serian, 84 hentian bas, 8 jejantas dan 39 pusingan-P. Pembinaan pakej ini bermula pada Mac 2016 dan dijangka siap pada suku kedua 2020, mengambil masa selama 51 bulan.

Penglibatan masyarakat tempatan Sarawak terutamanya masyarakat Bumiputera sangat digalakkan dalam pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo ini. Sejak dilancarkan tahun lepas, sebanyak 75 syarikat konsulten Sarawak telah terlibat dengan projek ini. Selain itu, Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. (LBU) yang dimiliki oleh warga Sarawak secara majoriti telah dilantik bagi menguruskan, melaksanakan proses tender bagi pakej-pakej dalam projek ini dan bertanggungjawab memastikan projek lebuhraya ini disiapkan pada spesifikasi ditetapkan pada kos dan masa yang dipersetujui.

Kerajaan baru-baru ini telah bersetuju dan memuktamadkan rundingan bagi pembinaan Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sabah sepanjang 1,236 km. Apabila siap kelak, keseluruhan Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak sepanjang 2,325 km ini akan menjadi tulang belakang perhubungan dari Sarawak hinggalah ke Sabah.



Antara ribuan hadirin yang terdiri dari pelbagai suku kaum Sarawak



Batu kilometer sebagai simbolik perasmian LPB Jajaran Serian oleh YAB Perdana Menteri



PENGGUNA R&R DIBEKAL INFO BERGUNA Kalori untuk Sihat

SEREMBAN, 2 FEBRUARI 2016 – Kempen Kesedaran Kalori di kawasan Rehat & Rawat (R&R) Lebuhraya Malaysia telah dilancarkan bertujuan memberi kesedaran kepada pengguna lebuhraya mengenai kandungan kalori makanan dan minuman yang diperlukan mereka dalam mengekalkan gaya hidup sihat.

Kempen yang berslogan “Kawal Kalori, Cegah Obesiti” ini dirasmikan Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya dan Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan Malaysia serta mendapat kerjasama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

dan beberapa syarikat konsesi. Untuk rekod, kalori yang diperlukan bagi seorang lelaki dewasa adalah sebanyak 2000 kalori manakala bagi seorang perempuan dewasa pula adalah sebanyak 1500 kalori untuk sehari.

LEBUHRAYA LEKAS DITERANGI LAMPU LED JIMAT TENAGA DAN MESRA ALAM

SEREMBAN, 1 Februari 2016 : Pengguna Lebuhraya LEKAS kini boleh menikmati perjalanan yang lebih selesa dan selamat apabila keseluruhan jajaran lebuhraya sepanjang 44.3 kilometer (km) diterangi cahaya lampu bermula dari Kajang dan berakhir di Paroi.

Projek pemasangan lampu jalan bernilai RM16 juta ini melibatkan 549 batang tiang lampu LED yang jimat tenaga dan mesra alam. Kos ini ditanggung sepenuhnya oleh syarikat konsesi Lebuhraya LEKAS.

Dalam majlis yang sama, tetamu kehormat turut melancarkan kempen keselamatan sempena Tahun Baru Cina 2016 dan demi keselesaan pengguna lebuhraya, arahan henti kerja (stop work order) dan pelaksanaan larangan penggunaan kenderaan berat dikeluarkan di semua lebuhraya pada waktu puncak perayaan.



PUSPANITA KKR



diserahkan kepada PUSPANITA untuk dijadikan sebagai pusat aktiviti. PUSPANITA telah mengorak selangkah lagi apabila pada Januari 1994 Tun Dr. Siti Hasmah sekali lagi diberi penghormatan untuk merasmikan RUMAH PUSPANITA yang baru menggantikan rumah kerajaan tersebut.

Bagi menggalakkan lebih ramai penjawat awam wanita dan isteri para penjawat awam menyertai Pertubuhan PUSPANITA ini, pihak PUSPANITA KEBANGSAAN telah mengambil inisiatif dengan mengurangkan bayaran yuran serta menaiktaraf Ahli Biasa kepada Ahli Seumur Hidup. Bayaran Penyertaan sebagai Ahli PUSPANITA adalah sebanyak RM2.00.

Maklumat lanjut perihal aktiviti dan jawatankuasa yang dibentuk dan dirancang PUSPANITA KKR boleh didapati di laman sesawang <http://puspanita.kkr.gov.my>.

Pengerusi	: YBhg. Datin Sri Norita bt. Ibrahim
Timbalan Pengerusi	: YBhg. Datin Mariah bt. Hassan
Setiausaha	: Cik Sabariah bt. Bachik
Penolong Setiausaha I	: Puan Rohayah bt. Hashim
Penolong Setiausaha II	: YM Raja Norashimah bt. Mohd Yusof
Bendahari	: Puan Nor Azlida bt. Junaidi
Penolong Bendahari	: Puan Jamaayah bt. Haron
AJK Tetap	: Ybgh. Datin Hajah Radziah bt. Haji Ahmad : Puan Hajah Talhah bt. Abdullah : Puan Saadah Binti Haji Abu Bakar : Puan Ir. Noraini bt. Bahri : Puan Hajah Mariam bt. Ibrahim : YM Raja Badariah bt. Alwee : Puan Fazlina bt. Hashim
AJK	: YM Raja Badariah bt. Alwee : Puan Hajah Junaidah bt. Mohd Yusof : Puan Hajah Faridah bt. Saidin : Puan Hariana bt. Azit : Puan Che Na'aimah bt. Mohamad : Puan Hajah Norhayatie bt. Juffery : Puan Nor Ashikin bt. Hassan Basri : Puan Dirayah bt. Dollah : Puan Hajah Junati bt. Jusoh : Puan Noriah bt. Ali : Puan Kamariah bt. Yahaya
Pemeriksa Kira-kira	: Puan Nurul 'Izzah bt. Baharudin : Puan Puteri Nordiana bt. Megat Baharuddin
Pemegang Amanah	: Puan Siti Ai'sah bt. Abdul Rahman : Puan Hanifah bt Mat Som

PUSPANITA kebangsaan telah ditubuhkan pada 23 Mei 1983. PUSPANITA adalah singkatan kepada Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia. Antara tujuan penubuhan PUSPANITA ialah untuk merapatkan perhubungan muhibbah dan meyatupadukan isteri-isteri dan anggota perkhidmatan awam di semua peringkat perkhidmatan.

PUSPANITA Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) kini menjangkau usia 32 tahun. Y.Bhg. Datin Hajah Ruziah Bt Mohd. Tahir merupakan Penaung Puspanita Cawangan KKR manakala Y.Bhg. Datin Sri Norita Ibrahim pula adalah Pengerusi Puspanita Cawangan KKR.

Secara umum program dirancangan ialah untuk :-

- Memberi pendedahan dan fahaman dalam aspek-aspek tertentu;
- Menyokong dan merealisasikan agenda Kerajaan;
- Mempertingkatkan kemahiran ahli di dalam pelbagai bidang;
- Memberi peluang dan penglibatan secara aktif dalam aktiviti-aktiviti PUSPANITA Kementerian Kerja Raya Malaysia; dan
- Menggalakkan silaturrahim sesama warga dan keluarga ahli.

Sejarah penubuhan PUSPANITA, idea penubuhannya datang daripada Tun Dr. Siti Hasmah sendiri. Idea ini tercetus apabila beliau dan suami yang ketika itu sedang bercuti di Indonesia telah disambut oleh Persatuan Wanita (DARMAWANITA) di sana. Oleh kerana upacara sambutan yang begitu baik serta layanan yang mesra kaum wanita di sana, Tun Mahathir kemudiannya menyarankan kepada Tun Dr. Siti Hasmah untuk mewujudkan satu persatuan sedemikian di Malaysia khas untuk kaum wanita.

Saranan ini direalisasikan dengan penubuhan PUSPANITA secara rasminya pada 1 Mac 1983 dan sebuah rumah kerajaan bernombor JKR 5171, di Jalan Hose, Kuala Lumpur telah

Tahukah Anda? Kompleks Kerja Raya



P Mula dibuka pada 27 Februari 1997

P Tempat letak kenderaan :
Blok A - 89 unit
Blok B - 478 unit


M² Keluasan Tanah 4.2739 hektar
Keluasan Lantai seluas 61,213.32 m²

S Syarikat senggara :
KCJ Engineering Sdn Bhd
(26/08/2015 – 25/08/2018)

B Bermula tahun 2007 hingga kini:
Blok A dan B : KKR
Blok C : Projek Khas, JKR

KPI Daripada tahun 1997 sehingga 2007:
Blok A : Kementerian Kerja Raya (KKR),
Blok B : Cawangan Bangunan Am, Jabatan Kerja Raya (JKR)
Blok C : Perbadanan Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC)

KPI Pengurangan Building Energy Index (BEI) 220 kWh/m²/setahun (2015) kepada 140kWh/m²/setahun (2018)
Pengurangan Penggunaan Elektrik 5 % secara tahunan



BLOK A	
TINGKAT	BAHAGIAN
LG	Tempat Letak Kenderaan Pegawai Kanan KKR
G	Bahagian Khidmat Pengurusan Bahagian Kewangan (Cawangan Pengurusan PerolehanHarta)
1	Bahagian Khidmat Pengurusan Bahagian Akaun
2	Bahagian Perancang Jalan
3	Bahagian Kewangan
4	Bahagian Pembangunan dan Penswastaan
5	Anggota Pentadbiran Kerajaan Pengurusan Atasan
6	Bilik Gerakan

BLOK B	
TINGKAT	BAHAGIAN
G	Lobi Lif
2	Pejabat Kontraktor Penyenggaraan
3	PUSPANITA
4	Bahagian Pengurusan Maklumat
5	Bahagian Perancangan Korporat
6	Unit Komunikasi Korporat Pusat Rujukan Jalan Negara
7	Bahagian Pengurusan Fasiliti
8	Bahagian Pengurusan Maklumat Pejabat Penasihat Undang Undang
9	Unit Audit Dalam
10	Bahagian Pengurusan Fasiliti Unit KPI
11	Bahagian Dasar dan Antarabangsa
12	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Cawangan Pembangunan Modal Insan)
13	Bahagian Dasar dan Antarabangsa Unit Integriti
14	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia



Tukang Kasut

“Bang, boleh tolong baiki kasut saya tercabut tapak. Saya mahu ke mesyuarat ni, tolong bang.” Luah seorang lelaki bersut pejabat dalam nada cemas.

“Okey, 15 minit ya!” Balas seorang lelaki berusia 47 tahun yang terus membaiki kasut pelanggan di lokasi mencari rezekinya yang hanya berbumbungkan pokok kecil sebagai tempat berteduh.



Itu adalah antara situasi yang sering berlaku di kaki lima berhadapan Kompleks Kerja Raya, Kuala Lumpur. Situasi yang memperlihatkan saling bergantung antara dua pihak, satu memerlukan khidmat dan satu lagi mencari pendapatan melalui perkhidmatan.

Pakcik Jimi (bukan nama sebenar) telah melayani pelbagai kerenah pelanggan sepanjang bekerja sebagai tukang kasut selama 17 tahun di lokasi yang sama. Ada yang meminta potongan harga yang melampau namun tidak kurang yang sanggup membayar lebih lantaran khidmat yang diberikan amat berpatutan.

Beliau yang berasal dari Negeri Sabah, mula mempelajari teknik membaiki kasut daripada seorang kenalan selama tiga bulan sebelum mengorak langkah memulakan perniagaan membaiki kasut bermula seawal jam 7 pagi - 2 petang setiap hari Isnin hingga Jumaat.

Pendapatan purata harian Pakcik Jimi adalah daripada RM80 ke RM100 bergantung kepada jumlah pelanggan serta faktor cuaca kerana sekiranya hari hujan, beliau terpaksa menutup ‘kedainya’. Dengan pendapatan itulah beliau menyara isterinya, seorang suri rumah bersama-sama tujuh orang anaknya.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah mengganti tapak, gam dan jahit tapak, menukar tapak dalam, mengilat kasut serta menjahit barangan kulit seperti beg, tali pinggang dan lain-lain. Istimewanya, semua perkhidmatan Pakcik Jimi disertakan jaminan untuk tempoh tiga bulan.

Dengan jumlah pelanggan yang mencecah 20 orang sehari, (majoritinya kakitangan Kerja Raya!) jelas membuktikan perkhidmatan ini sentiasa ditagih oleh para pelanggan yang memerlukan khidmat Pakcik Jimi si tukang kasut.

Pengurniaan PINGAT KEBESARAN



Perlantikan Ketua Eksekutif CIDB

YBhg. Dato' Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid dilantik sebagai Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berkuatkuasa 1 Mac 2016.

Dato' Ir. Ahmad 'Asri telah berkhidmat dengan Kerajaan dan terlibat dalam industri pembinaan selama lebih daripada 31 tahun, termasuk sebagai Jurutera Mekanikal di Jabatan Kerja Raya selama 13 tahun.

Dato' Ir Ahmad 'Asri dilantik sebagai Ketua Eksekutif CIDB bagi menggantikan Dato' Sri Ir Dr Judin Abdul Karim yang telah bersara wajib pada 17 Disember 2015, setelah berkhidmat selama 37 tahun di perkhidmatan awam.



Persaraan TKPKR

Majlis Menghargai Jasa Bakti YBhg. Dato' Sr. Abdull Manaf b Hj Hashim, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar) telah diadakan pada 31 Mac 2016 (Khamis) jam 2.00 petang bertempat di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Kementerian Kerja Raya. Beliau telah bersara wajib bermula 5 Mac 2016.

Majlis dimulakan dengan tayangan multimedia sejarah perkhidmatan YBhg. Dato' Manaf. Majlis diteruskan dengan ucapan YBhg. KPKR, penyampaian cenderahati dan ucapan oleh YBhg. Dato' Manaf.

Majlis dihadiri oleh tetamu kehormat Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Hj. Fadillah b Hj Yusof yang diiringi oleh YBhg. Dato' Sri Zohari b Hj Akob, Ketua Setiausaha, KKR dan juga Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Datuk Ir.Hj.Adanan b Mohamed Hussain. Turut hadir, YBhg. Dato' Ir. Hj Ismail b Md. Salleh, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri b Abdul Hamid, Ketua Eksekutif, CIDB dan juga Pegawai Pengurusan Tertinggi Kementerian Kerja Raya dan JKR.



Sekalung tahniah diucapkan kepada YBhg. Dato' Abdul Razak bin Jaafar, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kerja Raya atas pengurniaan Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan (DBNS) yang membawa gelaran Dato' sempena Ulang Tahun Keputeraan DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus yang ke-68. Tarikh Istiadat pengurniaan : 21 Mac 2016

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada YBhg. Datuk Haji Sarani bin Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kerja Raya atas pengurniaan Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W) yang membawa gelaran Datuk sempena Hari Wilayah Persekutuan 2016. Tarikh Istiadat pengurniaan : 3 Februari 2016


PROGRAM JELAJAH PAN BORNEO Sarawak (LPBS)

Jelajah ini bermula dari Sematan hingga ke Miri dengan jarak sejauh 746 kilometer

Hari Pertama



Papan tanda yang jelas dan terang



Papan tanda yang berkonsepkan replika bunga Rafflesia



Lawatan ke tapak projek Telok Melano-Sematan (TMS)



Sesi taklimat selepas lawatan hari pertama program

Hari ketiga



Batu asas kilometer dari Sibuan menuju Bintulu



Memulakan jelajah hari ketiga



Hari Kedua



Tinjauan bersama di Jalan Kuching-Serian



Bandar Kuching



Aktiviti perniagaan orang tempatan di Mid-Layar



Laluan Pan Borneo melintasi Jambatan Sungai Sarawak

KUCHING, 4 Februari 2016 : Satu program Jelajah Pan Borneo Sarawak (LPBS) Menteri Kerja Raya bersama pasukan Media Sarawak telah diadakan selama tiga hari bermula 4 hingga 6 Februari 2016.

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pihak Media mengenai cabaran dan realiti pembinaan jajaran Pan Borneo Sarawak agar persepsi sebenar dapat diwujudkan melalui peranan media sebagai penyalur maklumat kepada rakyat.

Jelajah ini bermula dari Sematan hingga ke Miri dengan jarak sejauh 746 kilometer dimana sepanjang jelajah ini pihak media turut dibawa melihat kemajuan kerja projek LPBS ini melalui taklimat di beberapa lokasi terpilih antaranya, Jalan Kuching-Serian, Mile 10-15, KM 591-3 (Batang Mukah – Sungai Buluh) serta tapak projek Persimpangan Nyabau – Bakun yang merupakan tapak kick off project yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 31 Mac 2015.

Pembinaan LPBS ini bakal memberikan kesan dan impak positif kepada tahap sosial dan ekonomi rakyat Sarawak. Ia bakal menaiktaraf jalan raya persekutuan di Sarawak kepada 4 lorong dua hala dalam fasa satu pembikinannya bermula tahun 2016 hingga 2021.



Plan KM 591-3 (Batang Mukah – Sungai Buluh)

20 Kontraktor terima SST

KUALA LUMPUR, 12 Januari 2016: Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Bin Yusof kepada 20 kontraktor yang berjaya memperolehi kerja di bawah projek-projek Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) telah diadakan dan 20 projek ini terdiri daripada projek bangunan, projek infrastruktur dan perkhidmatan yang dipelawa oleh pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR).

Terdahulu dalam ucapannya, Menteri Kerja Raya mengingatkan tanggungjawab yang bakal diharungi oleh kontraktor, iaitu menjelmakan apa yang disyaratkan oleh Kerajaan di dalam tender kepada bentuk fizikal, memenuhi Syarat Kontrak, mematuhi setiap spesifikasi serta memberikan kepuasan kepada penerima fasiliti.

Menjelang tahun 2018, semua bangunan kerajaan akan dibina menggunakan piawaian daripada Pentaksir Kualiti Dalam Sistem Pembinaan (QLASSIC) dan para kontraktor turut diseru untuk menggunakan sistem dan teknologi terkini industri binaan seperti BIM (Building Information Modeling) dan IBS (Industrialized Building System).



Ucapan daripada YB Menteri Kerja Raya



YB Menteri bersama KSU Kerja Raya meneliti surat setuju terima



KAJANG, 10 Mac 2016 : 25,000 pengguna Lebuhraya SILK sekitar Taman Kajang Sentral, Taman Kajang Utama, Taman Seri Mewah serta Bandar Kajang 2 bakal mendapat manfaat hasil Pembukaan Persimpangan Bertingkat Kajang Utama bermula pada 10 Mac 2016.

Dengan adanya persimpangan ini, tempoh masa perjalanan untuk ke Kajang Utama dari arah Kajang dan Putrajaya dapat diijamatkan sehingga 5 minit dengan pengurangan jarak perjalanan sebanyak 4 kilometer (km). Manakala bagi perjalanan dari Kajang Utama menghala ke arah Semenyih dan Sungai Long tempoh perjalanan dapat diijamatkan sehingga 8 minit dengan jarak perjalanan 4 km lebih pendek.

Projek Kementerian Kerja Raya (KKR) bernilai RM22.4 juta ini diluluskan pihak kerajaan melalui peruntukan RMK10 (merangkumi kos pembinaan dan perundingan) mengambil masa 24 bulan dan telah siap pada akhir Januari 2016. Pembinaan projek ini dipantau Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Manfaat

Pembukaan Persimpangan Kajang Utama

RM40 juta untuk Senggara Jalan Persekutuan

KUCHING, 21 Mac 2016: Walaupun dalam keadaan peruntukan jalan Persekutuan yang agak terhad pada tahun ini, Kementerian Kerja Raya (KKR) tetap mengadakan Majlis Pelancaran Kerja Undi bagi Projek Penyenggaraan Jalan Persekutuan demi keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

Sebanyak RM40 juta diperuntukkan bagi Pelaksanaan kerja undi kali ke-6 ini dan sejajar dengan tatacara perolehan semasa, setiap kerja undi yang ditawarkan bernilai RM50 ribu dan ke bawah.

Melalui kaedah ini, lebih banyak kerja undi dapat ditawarkan dan lebih ramai kontraktor kecil bakal mendapat peluang disamping mempercepatkan pemilihan kontraktor. Kerja undi ini meliputi kerja berkala bukan pavemen seperti kerja membaiki penghadang jalan, pembaikan longkang, perabot jalan dan papan tanda jalan.



Wakil-wakil syarikat yang menandatangani perjanjian



Perasmian majlis disempurnakan oleh YB Menteri Kerja Raya dengan menandatangani plak pada pentas utama



Ucapan tahniah YB Menteri Kerja Raya kepada pelatih terbaik setiap jurusan



Majlis penyampaian sijil kepada kontraktor



Majlis Pelancaran Kerja Undi Jalan Persekutuan



Menggauli bola undi oleh tetamu kehormat majlis

Meraikan graduan ABM

KUCHING, 29 Februari 2016: Seramai 107 graduan Akademi Binaan Malaysia (ABM) Sarawak daripada tujuh kategori/tred pembinaan telah diraikan sebagai mengiktiraf pencapaian mereka yang telah menamatkan latihan kemahiran masing-masing

Turut diadakan Majlis Menandatangani Akujanji CITP oleh 33 penggiat industri pembinaan Sarawak yang

bertujuan menyediakan dan melahirkan tenaga mahir dalam sektor pembinaan menerusi Program Perintis yang diadakan.

Melalui Program Perintis, para pelatih akan diberi pendedahan dan peluang merasai pengalaman sebenar industri binaan dan Kursus yang ditawarkan adalah architectural drafting, operasi kren bergerak dan pendawaian gred 2.



a



b

01

Tajuk : Aspirasi Tahun Baharu
2016 Menteri Kerja Raya
Tempat : Kuala Lumpur
Tarikh : 26 Januari 2016

- a) Ucapan aspirasi tahun 2016 dan pemben tangan laporan kejayaan KKR pada tahun 2015 disampaikan oleh YB Menteri Kehadiran tetamu kehormat
- b)



a



b

04

Tajuk : KSU Meninjau
Penggunaan IBS di Tapak
Projek UTM
Tempat : Kuala Lumpur
Tarikh : 12 Januari 2016

- a) Dato' Sri KSU menerima hadiah daripada pihak AZRB Malaysia
- b) Replika bangunan UTM Residences
- c) KSU bersama pasukan pembinaan mendengar penerangan mengenai projek

05



a



b

05

Tajuk : Sambutan Tahun
Baharu Cina 2016
KKR
Tempat : Kuala Lumpur
Tarikh : 18 FEBRUARI 2016

- a) Ucapan penghargaan daripada wakil warga kerja berbangsa Cina JKR
- b) Sesi fotografi YBTM Datuk Rosnah bersama warga kerja KKR bersempena Majlis Sambutan Tahun Baru Cina KKR

02

Tajuk : Kerja Menaik Taraf Jalan
dari Bulatan Sultan Mansur
ke Kuala Berang Tereng-
ganu
Tempat : Kuala Terengganu
Tarikh : 18 Januari 2016

- a) Taklimat projek oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya Terengganu.
- b) Tinjauan bersama tapak projek pembinaan jambatan disalah sebuah kawasan projek Jalan Durian Guling.



a



b

02

03



a



b

03

Tajuk : Memupuk kesedaran
Kejuruteraan Geoteknik
Gempa Bumi
Tempat : Kuala Lumpur
Tarikh : 1 Mac 2016

- a) Gimik Perasmian bersama YB Menteri & Timbalan turt serta di atas pentas utama KPKR dan TKSU KKR
- b) Ucaptama perasmian majlis dari YB Menteri kerja Raya Malaysia

06

Tajuk : Sesi Interaksi KSU
KKR bersama pegawai
kumpulan pelaksana KKR
Tempat : Kuala Lumpur
Tarikh : 20 Januari 2016

- a) KSU menjawab isu dan permasalahan yang diutarakan TKSUP turut serta dalam sesi soal jawab
- b)



a



b

06



a



b

07

Tajuk : Lawatan Kerja KSU ke Kaw. Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang Johor
Tempat : Johor Bahru
Tarikh : 17 Januari 2016

- a) Tinjauan bersama KSU dan para pegawai JKR ke tapak projek
- b) Sesi bergambar bersama para pegawai JKR Johor

10

Tajuk : Program Ramah Mesra KSU bersama Rakan KKR Johor
Tempat : Johor Bahru
Tarikh : 17 Januari 2016

- a) Penyampaian cenderahati kepada Dato' Sri Zohari bin Hj. Akob
- b) Sesi penyampaian cenderahati kepada Rakan KKR
- c) Sesi fotografi bersama Rakan KKR Johor



a



c



b

08

Tajuk : Majlis Maulidur Rasul peringkat KKR 1437H 2016M
Tempat : Kuala Lumpur
Tarikh : 15 Januari 2016

- a) YBhg KSU serta pengurusan tertinggi mengetuai perakan sekitar kompleks KKR
- b) Majlis dimulakan dengan perarakan serta selawat ke atas Nabi menuju ke dewan utama



a



b

08

11



a



b

11

Tajuk : Program Ramah Mesra Menteri Kerja Raya bersama Rakan KKR Zon Timur
Tempat : Kuala Terengganu
Tarikh : 18 Januari 2016

- a) Ucapan penghargaan dan amanat untuk Rakan KKR Zon Timur oleh Menteri Kerja Raya
- b) YB Menteri beramah mesra bersama Admin Media Sosial JKR Terengganu

12

12

Tajuk : Well For Life KKR Memupuk Kesedaran Amalan Gaya Hidup Sihat
Tempat : Kuala Lumpur
Tarikh : 16 Februari 2016

- a) Penyampaian ceramah "Mental Health" oleh Dr Yasmeen Farouk Mohamed
- b) Sambutan yang menggalakkan sewaktu kempen derma darah



a



b

09



a



b

09

Tajuk : Program Khidmat Masyarakat Latihan Praktikal Pertukangan anjuran BPKU KKR
Tempat : Lingga, Sarawak
Tarikh : 20 Mac 2016

- a) Acara menandatangani plak oleh YB Puan Hajah Simoi Haji Peri Adun N28 Lingga
- b) Lawatan ke sebuah rumah penduduk kampung yang uzur
- c) Acara memotong reben disempurnakan oleh YB Adun Lingga turut serta TKSU KKR

- a) Penyampaian ceramah "Mental Health" oleh Dr Yasmeen Farouk Mohamed
- b) Sambutan yang menggalakkan sewaktu kempen derma darah



Bermula 1 Januari 2016, pengikut (likers) di FB Kementerian Kerja Raya Malaysia adalah seramai 11,046

Pada 30 Mac 2016, pengikut (likers) di FB Kementerian Kerja Raya Malaysia adalah seramai 14,627





Kenaikan pengikut (likers) di FB Kementerian Kerja Raya Malaysia dalam tempoh 3 bulan adalah seramai 3,581.



Pada 20 Januari 2016 pengikut (followers) di Twitter Kementerian Kerja Raya adalah seramai 4,535

Pada 31 Mac 2016 pengikut (followers) di Twitter Kementerian Kerja Raya adalah seramai 5,254



Kenaikan pengikut (followers) di Twitter Kementerian Kerja Raya Malaysia dalam tempoh 3 bulan adalah seramai 719.



Januari 2016 terdapat seramai 173 followers baru di Twitter @MOWorks. Sebanyak 128 tweets telah dibuat.

Februari 2016 terdapat seramai 404 followers baru di Twitter @MOWorks. Sebanyak 674 tweets telah dibuat.



Mac 2016 terdapat seramai 231 followers baru di Twitter @MOWorks. Sebanyak 620 tweets telah dibuat.

Twitter



Keratan Akhbar



Surat Khabar : STAR
Tarikh : 03 Februari 2016



Surat Khabar : KOSMO
Tarikh : 10 Februari 2016



Surat Khabar : STAR
Tarikh : 19 Februari 2016



Surat Khabar : METRO
Tarikh : 29 Januari 2016



Surat Khabar : STAR
Tarikh : 19 Februari 2016



Surat Khabar : STAR
Tarikh : 03 Februari 2016



Surat Khabar : NEW STRAITS TIME
Tarikh : 19 Februari 2016



Surat Khabar : UTUSAN MALAYSIA
Tarikh : 03 Februari 2016



Surat Khabar : UTUSAN MALAYSIA
Tarikh : 29 Januari 2016



Surat Khabar : KOSMO
Tarikh : 28 Januari 2016



Surat Khabar : UTUSAN MALAYSIA
Tarikh : 29 Januari 2016

SIDANG REDAKSI

Penaung

YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob
[Ketua Setiausaha KKR]

Penasihat

YBhg Datuk Sarani Bin Dollah
[Timbalan Ketua Setiausaha
(Pengurusan) KKR]

Ketua Pengarang

Pn Noreha Mohd Ripin
[Ketua Komunikasi Korporat]

Pengarang

Haji Shahnnon Mohamad
Fauzi Baharudin
Nur Saila Kamaruddin Nor Zaman
Sagaya Carelene A/P Gomas
Muhammad Faisal Muhammad Zamzuri

Jurufoto

En Rosdin Sabni
Cik Hidayatul Sa'adiyah Binti Saad
[Jurufoto Unit Komunikasi
Korporat dan Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya]

Urusetia

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

Rekabentuk / Pencetak

OMR PRESS SDN BHD
Tel : 03 8024 6396



pro@kk.gov.my



www.kkr.gov.my



KKR_MALAYSIA



03 8000 8000



Kementerian Kerja Raya Malaysia



@MOWorks



Kementerian Kerja Raya Malaysia